

09/01/2000

Patung

Daeng Ramliakil

DATIN S memerhati anaknya, D. D sejak tadi asyik memerhati sesuatu pada tangannya.

"D, tali keledar. Elok pasangkan sekarang. Nanti, kalau diberitahu, malu."

D menarik-narik tali keledar di sisi. Kakaknya, C yang berusia 10 tahun itu resah melihat D melambat-lambatkan suruhan ibu.

C segera membantu. Dicapainya kepala tali keledar itu gopoh. D yang agak memberontak cuba menolak tangan kakaknya, C. Patung plastik setinggi enam inci tercampak di lantai.

Tali keledar mengikat perut D. Matanya mempamerkan kemarahan. Sedangkan C, puas. Segera D menanggalkan semula tali keledar. Dia mesti mengambil semula patung miliknya di lantai.

Terdengar hebahan pramugari, meminta penumpang Boeing 727 mengenakan tali keledar.

D segera berusaha mencapai patungnya di lantai. Dia berdiri. Baru mahu dicapainya, seorang pramugari melangkah. Lalu tersepak patung. Patung tercampak jauh di bawah kusyen.

"Opps, maaf, dik."

D memandang muka penyepak itu.

"Tak mengapa. Lepas ini, kakak ambilkan. Sekarang ini adik duduk dulu. Dan pakai tali keledar. Bila dah mendarat nanti, kakak bantu, okey?"

A melihat ke luar menerusi jendela cermin. Datuk S juga, selepas sempat meninjau air muka anaknya, D.

Tidak lama selepas Boeing mendarat, pintu penumpang terkuak. Berduyun-duyunlah perut kapal terbang itu memuntahkan isinya. Tidak terkecuali, Datuk S anak-beranak.

Cuaca berjerebu. Mujur tidak begitu pekat Isnin itu.

Penumpang yang baru pulang penerbangan dari Eropah memenggap aneka pengalaman.

"A, pimpin adik-adikmu. Kita cepat ke kereta. Cuaca begini tak bagus untuk mata, paru-paru dan otak."

"Baik, pak."

Mereka segera ke tempat pemeriksaan, lorong VIP. Di situ, Pak Bakar setia menunggu. Segera menyambut Datuk S, menyalami cium tangan. Turut segera dicapai beg dan bagasi.

"Bakar, di mana kereta?"

"Tidak jauh, itu."

"Pak Bakar, mana Mercedes bapak? Rosak lagi ke?"

"Ya. Esok siaplah. Baiki clutch."

"C ni sibuk banggakan Mercedes. Wira pun kereta juga."

Datuk S terkesan.

"A, jika kritik adik-adik, tak baik tinggikan suara. Walaupun betul apa yang kita kata, sukar juga penerima menerimanya."

A segera masuk ke perut Wira, keletihan. Adiknya, B turut membantu Pak Bakar memasukkan bagasi ke dalam bonet.

Tiba di pekarangan, lembayung senja menerawang angkasa. Pak Bakar segera memunggah barang-barang dari bonet ke dalam rumah.

"Pak Bakar, biarlah. Dah dekat Maghrib ni. Pulanglah. Nanti saya mintak anak-anak punggah."

"Tak mengapa Datin. Biar saya punggahkan. Sekejap saja ni. Sempat lagi Maghrib di rumah."

Malam itu, selepas menikmati masakan enak air tangan mak cik Temah, masing-masing bersantiaian di ruang tamu. Beg hampir memenuhi ruangan, kembang dengan isinya.

C asyik dengan lima patung Barbie.

"Bu, cantik, ya. Barbie ni."

B memerhati adiknya.

"C, tahu buatan mana? Malaysia!"

C berpaling.

"Apa pulak yang abang kata ni?"

"Tak percaya C? Cuba cari capnya. Bawak ke sini. Biar abang tunjukkan."

Datuk S tertawa.

"Budak-budak ni berbeza pula dengan kita."

Datin S menelingka kata-kata suaminya.

"Yang kita ni, Abang beli kot-kot Perancis, kasut Itali, S pula gilakan baju bulu Scot. Budak-budak ni, ada yang minat pada patung Melayu. Yang satu tu pulak, patung buatan bangsa kita. Tapi dijual di England."

A merenung tv seketika. Juga B.

"Pak, salam. Maaf, A nak ke kamar awal malam ni."

"Ai, A penat ke? Kalau macam ni, lain kali tak usah melancong lagi. Buat penat aja kan?"

"Tak mak. Ada kerja nak siapkan Tugas kolej itu mesti hantar minggu depan ni."

A beredar.

"B kena tidur awal malam ini pak."

B segera menghadap ibu dan bapanya. Selepas bersalam. B masuk kamar.

Datuk S puas hati. Ternyata A serius belajar. Usianya masih muda, 17 tahun. Tapi, sikapnya macam pemuda intelek. B meniru sekali sedikit perangai abangnya.

Bagi Datuk S, melihat anak-anaknya tetap bersopan dengan ibu bapa adalah suatu keputusan yang tidak ternilai. Pada mula-mula dulu, sewaktu memilih S sebagai isteri, macam-macam halangan. Halangan nyata dan lintasan fikiran. Maklum, S bekas Ratu Cantik Selangor.

Takut juga dia. Manalah tahu, dapat anak jadi pelesit. Tapi mujur, S tahu erti daratan dan harga diri. Sedangkan pantai lagi berubah, inikan pula hati manusia. Baginya, S berjaya didik anak-anak. Terutama, sesudah dia sendiri asuh S patuh bersolat. Malah, S khatam Quran sebulan sekali, jauh lebih hebat daripada dirinya.

Malam itu, D tidur agar lewat. Masuk ke kamar, jam 11 malam. Sama seperti ibu bapanya.

Sebelum ke kamarnya, D mencapai patung plastiknya.

Masuk ke kamar, diletaknya patung itu di atas meja tulis, bersebelahan komputer. Segeralah dia ke katil. Kepala beralaskan bantal. Gebar ditarik paras dada.

Matanya terkelip-kelip. Dalam cuaca remang-remang itu, pandangan matanya tak lekang pada patung pesilat Melayu itu. Lama dia meneliti sambil berbaring.

Patung itu kaku. Kaku sekaku-kakunya.

Di luar, langit malam ditemani beberapa butir bintang. Selebihnya, yang berkilau berangkai Measat 3,4,5,6 dan 7, satelit-satelit Malaysia yang dilancar sejak 1996 hingga 2000 itu.

D terkejut. Tak semena-mena dia berada di dek sebuah bahtera. Di sisinya, seorang lelaki dewasa Melayu. D mendengar lelaki itu bercerita. D tidak tahu di mana ahli keluarganya. Dia amat sedar, dia dalam pelayaran. Tidak seorang penumpang berpakaian lazim. Dia berasa bagaikan turut berlakon dalam filem purba Melayu.

D tidak tahu kenapa. Dia seakan-akan terikat pada satu demi satu cerita Panglima Awang. Awang, lelaki yang berusia 90 tahun itu masih tegap. Jauh

lebih tegap jika D membandingkannya dengan ayah, Datuk S.

Daripada Awang, D mendengar pengalamannya merantau ke Goa, Cape Town, Lisbon, seterusnya, Filipina dan Melaka.

"D, mulanya atuk ditawan Portugis. Seorang lelaki, Ferdinand de Magellan membeli pak cik daripada Benggali putih."

"Ada jual beli orang, atuk?"

"Ya. Semua orang Melayu waktu itu jadi hamba abdi. Diperintah bina A Famosa, kota Benggali Putih. Diperintah pugar makam-makam bangsa kita. Dan atuk, atuk telan kesemua jeritan batin itu. Bila jadi hamba di kapal, atuk paling hina. Mereka tengok kita orang Melayu macam anjing. Tapi itulah, D. Allah tetap membantu kalau kita jaga hati biar benar-benar bersih. Tiba ketika, Magellan mahu dibunuh orangnya sendiri sewaktu dalam pelayaran. Waktu itu, masing-masing tidak cukup makanan. Laut bergelombang."

D menelinga terus. Dia tahu serba-sedikit tentang keadaan Eropah seperti yang disebut Panglima Awang. Lagipun, sesekali, D mengekori perangai abang-abangnya, A dan B menggunakan e-mel. Bezanya, keadaan. D amat faham.

"D, bangkitlah. Waktu sudah hampir Subuh. Kalau D tidur nanti, jangan lupa beri salam pada atuk. Atuk pasti datang."

Sesudah bercuti, hari persekolahan bermula. Seperti sebelumnya, D dan C ke Sekolah Antarabangsa KL.

Pagi Isnin itu, Mr B memulakan pengajarannya. Selepas menerangkan beberapa perkara, guru yang juga kaunselor itu duduk. D mengambil peluang datang hampir.

"Mr B, boleh saya bertanya sesuatu?"

"Tentang apa tu?"

Sejak itu, D ghairah. Dia ghairah ke perpustakaan di sekolahnya. Pulang ke rumah, selepas makan, D cepat-cepat masuk ke kamarnya. Tunggu penat sedikit saja, D tidur. Dan, seperti janjinya, D beri salam.

"D sudah dengar tentang pengalaman atuk dan kawan-kawan berperang. Kali ini atuk cerita lebih lanjut. D perlu tahu. Jika musuh gunakan istinggar, kita orang Melayu juga gunakan senjata-senjata berapi. Kita ada meriam, malah lela. Di Melaka saja, kita ada 8,000 meriam tembaga buatan Melayu."

Di sekolah, Mr B mengesan sesuatu.

"Baiklah, hari ini, saya beri ujian penulisan. Begini. Pelajar boleh pilih sama ada mahu menulis dalam bahasa Inggeris atau bahasa ibunda kita, Melayu. Masa diberi, 40 minit. Markah penuhnya, 100. Dan, soalnya."

Tamat ujian itu, Mr B keluar. Masuk guru yang lain.

Esoknya, di dewan, Mr B mengumumkan markah di depan 21 muridnya.

"Keputusan ujian semalam. Dengar, ya, saya umumkan."

Dibacanyalah nama-nama pelajar berserta markahnya. Terakhir, D.

"D, saya pinta bacakan di dewan ini. Saya akan rakamkan. Percayalah, saya akan usahakan untuk diterbitkan dalam bentuk CD."

Sejak itu, D bersikap lebih serius pada pelajaran. Kawan-kawannya mula amat menghormatinya. Perihal dirinya tersebar di kalangan pengajar.

Apa lagi, Mr B kerap menyebut-nyebut.

"Catatan pelajar yang bernama D itu luar biasa sekali. Dia tu baru tahun tiga, tapi, bahasa Melayunya hebat. Macam pelajar MRSM. Lebih-lebih lagi jawapan penulisannya yang dikaitkannya dengan Sejarah dan bangsa Melayu."

D amat asyik dengan tidurnya. Setiap kali tidur, ajaibnya dia mempelajari aneka ilmu. Dan, sore itu, C masuk ke kamar D.

"D, nampak tak patung Barbie?"

D membisu. Dia asyik menaip sesuatu pada papan kekunci komputer.

"D!"

Malam itu, sebelum tidur, D sedar.

Eh, mana perginya patung tu? Hatinya tertanya-tanya.

D tidak jadi tidur. Habis semua laci diselongkar. Patung tiada.

Dicarinya di bawah katil, juga tiada. D ke kamar kakaknya, C. C membisu.

Pagi untuk ke sekolah, D murung, keletihan. D tahu, malam tadi, atuk tidak hadir. Atuk hilang.

Hari ketiga, kemurungan D berganda. Mr B risau. Nama D dicalonkan untuk mewakili semua sekolah rendah swasta Malaysia ke Sayembara Bercerita dan Pengkisahan Sejarah Malaysia.

D bermasalah.

Di rumah, keadaan D disedari serba sedikit. Datin S terpaksa membatalkan beberapa programnya dengan teman-teman bekas ratu.

"Kenapa Datin?"

Sambil merapatkan telefon bertivinya ke muka, Datin S menyebut satu-persatu.

Tatkala Datin S tiada di rumah, tanpa dirancang, D menyerang kakaknya, C.

"Kakak! kalau kakak tak pulangkan Panglima Awang, kakak kena!"

Pertengkaran yang sudah berlangsung 10 minit itu segera diredakan mak cik Temah.

Malam itu, Datin S berjaya memujuk D. Dan, esoknya, puaslah Pak Bakar singgah dari sebuah kedai permainan ke sebuah yang lain. Barah yang bersarang dalam dada D semakin parah.

Disebabkan tidak banyak yang diluahkan, Pak Bakar diutus Datuk ke Kota Bharu. Dengan kapal terbang dia ke bumi Puteri Saadong itu. Bakar gagal.

"D, usahlah bimbang, ya. Pagi tadi, ibu sudah menelefon pengurus Harrods. Dah pun ibu pesan suruh poskan patung tu. Katanya, dalam lima hari sampailah."

Pada hari kelima, nyata, kiriman dari England tiba. Ghairah bukan main D membukanya. Benarlah, serupa.

D kembali girang lagi ceria.

Malam menjelang juga tanpa mungkir. Dan, D yang edan mimpi bersiap-siap untuk tidur. D tetap merahsia setiap kali tidur dahulu, dia bermimpi.

"D, pak cik datang. Jadi ganti ayah pak cik, Panglima Awang."

Malam itu, mimpi D sarat maklumat.

C begitu selamba tiga hari selepas itu, sewaktu sekali lagi D memprotes untuk tidak makan. Patungnya hilang.

"D, dengar baik-baik. Patung D hilang, ibu pesan terus ke England. Tapi, kakak, Barbie kakak hilang, ibu belikan di KL saja. Mana adil!?"

Sesudah kira-kira 20 minit, C berterus-terang. C mengalah.

"Baiklah D, kalau nak suruh kakak tolong, D pun kena tolong. Setuju?"

"Setuju, kak."

Pagi itu, C dan D mohon untuk tidak ke sekolah. Datin S akur.

"Begini, mak cik Temah. Budak-budak tu tidur lagi agaknya. Saya nak ke Dewan Mahathir sekejap. Tolong tengok-tengokkan C dan D, ya."

Kira-kira jam 9 pagi, setengah jam selepas Datin S berMercedes ke dewan, diam-diam C dan D meluahkan rasa hati kepada pekerja pengangkut sampah. C turut hulurkan RM50 sebagai upah untuk membawa mereka ke tempat pembuangan sampah dan kemudian membantu untuk mencari patung itu.

Mulanya pemandu dan pembantunya takut juga. Tapi, apabila diminta menghantar semula ke rumah, mereka bersetuju.

Mak cik Temah gempar. Dia berkira-kira untuk mengejutkan C dan D sekitar jam 10 pagi untuk bersarapan. Bukan setakat C, D pun ghaib. Separuh gila dia menelefon Datin S.

Bergegas Datin pulang. Dan, dengan wajah separuh gila juga, Datin pembantu pemandu segera membalik-balikkan sampah-sarap.

Sesudah berlalu kira-kira sejam, patung belum ditemui. Pemandu lori itu berasa sesuatu. Dia memberitahu kawannya sesuatu. Segera pula dia ke rumah Datuk S.

Selang 20 minit kemudian, daripada maklumat pemandu lori, Datuk S ditemani Datin dan mak cik Temah, berkereta ke tempat pembuangan sampah.

Dari jauh, jelaslah pada pandangan mereka, anak-anak, C dan D tidak ubah macam pengemis.

Bezanya, C dan D bukan mencari makanan untuk jasad.

"Ya Rabbi, S. Perhatikanlah, anak-anak kita. Beginilah, ya, mereka."

Tidak Datuk S dan Datin S duga, air mata segera mengalir membasahi pipi.

Malam itu, Mr B sekeluarga dijemput makan malam di banglo Datuk S.

Mr B meluahkan rasa leganya sesudah siang tadi meluahkan perkara yang di sebaliknya.

"Datuk, gelabah saya dibuatnya. Maklum, D wakil sekolah kami.

Pencapaiannya meninggalkan kira-kira 60 peratus ke hadapan peserta simpanan."

Sambil menjamu selera, tv dibiarkan terpasang. Sebuah telemovie disiarkan. Melaka judulnya. D agak asyik menonton, juga C.

Datuk dan Datin S yang berpengetahuan hampir lengkap tentang cerita-cerita luahan D sejak awal hingga siang tadi begitu kesal.

"D, suka ke tonton telemovie tu?"

D berpaling menatap ayahnya yang duduk di sofa ditemani Mr B.

D sengih.

"Lihat Mr B. Kanak-kanak sekecil ini pun sudah tahu membezakan kualiti fakta tentang sejarah silam Melaka. Hairan saya. Puak-puak media massa kita ni ambil mudah saja tentang Melayu. Patutlah bangsa kita senang berpecah-belah. Banyak sangat golongan main-main, bersastera main-main, menyanyi main-main, berteater main-main, jadi, untungya?"

Datin S merenung sambil meneliti patung Panglima Awang yang diletakkan D di almari.

(END)